

# Kita tidak akan ikut

UM 3 1 JAN 2003

BERIKUT adalah kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkaitan Singapura, pada sidang akhbar selepas mempekerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, semalam.

**DR. MAHATHIR:** Majlis Tertinggi (MT) UMNO berpendapat masalah dengan Singapura dan sikap agresif Kerajaan Singapura kebelakangan ini lebih berpunca daripada masalah dalaman mereka.

Kita berpendapat, ini merupakan kali pertama mereka menghadapi situasi ekonomi yang begitu teruk dan sukar. Ekonomi mereka tidak meningkat sebaliknya mengalami pertumbuhan negatif.

Terdapat banyak pengangguran dan rakyat negara itu yang dahulu bekerja di bank kini menjadi pemandu teksi. Secara amnya rakyat Singapura tidak gembira dengan situasi mereka sekarang. Ia sesuatu yang mereka tidak pernah alami sebelum ini.

Disebabkan ini, kerajaannya perlu mengalih tumpuan dan menjadikan Malaysia sebagai 'kambing hitam' (scapegoat).

Masalah lain ialah Kerajaan Si-

ngapura kehilangan banyak wang melalui pelaburan dalam syarikat Enron, Virgin Airlines, New Zealand Airlines dan juga di China.

Mereka kehilangan berbilion dolar dan di Singapura perkara ini bukan sesuatu yang boleh dibincangkan secara umum.

Akhbar mereka tidak boleh mencetak dan memberitahu rakyat berapa banyak kerajaan rugi dalam pelaburan.

## Kedaulatan

Oleh itu Singapura perlu memberikan perhatian kepada perkara lain untuk mengalih perhatian.

Kita juga ada bukti bahawa terdapat kumpulan tertentu dalam kerajaan Parti Tindakan Rakyat (PAP) sendiri. Terdapat kumpulan cuba untuk membuktikan bahawa mereka lebih *Singaporean* daripada yang lain dan cuba menjadi lebih agresif dalam menyerang Malaysia.

Tuduhan masalah isu air bukan kerana harga tetapi merupakan soal kedaulatan Singapura tentu disedari oleh Menteri Luar Singapura bahawa kita yang memberikan mereka kedaulatan.

Kita memberi status negara kepa-

da Singapura, sebelum ini mereka adalah sebahagian daripada Malaysia, oleh itu tidak ada sebab kenapa kita yang perlu merendahkan kedaulatan walaupun mereka mengatakan bahawa harga air melibatkan kedaulatan negara mereka.

Kita jual air kepada mereka selama ini malah ketika kita di bawah penjajahan British. Tidak berbangkit soal kedaulatan dan sekarang mereka cuba untuk mengaitkan dengan kedaulatan dengan mengatakan harga air tidak penting.

Saya cukup yakin, harga air tidak penting pada mereka kerana ia hanya bernilai beberapa juta dolar dan Singapura mempunyai US\$58 bilion dalam rizab mereka, mereka boleh bayar jumlah yang kita minta tanpa menjejaskan bajet, mereka kaya.

Oleh itu apabila mereka melibatkan harga air dengan kedaulatan ia disebabkan oleh masalah dalaman mereka.

Dan MT memutuskan kita tidak akan mengikut rentak mereka dalam usaha untuk membantu menyelesaikan masalah mereka.

Mereka boleh menangani masalah

lain.

Kita akan membekalkan mereka air yang telah dirawat dan sudah tentu air yang dirawat harganya lebih dan oleh itu kita jual air yang telah dirawat pada harga yang lebih tinggi.

Malah juga tidak munasabah untuk membayar harga air mentah untuk tahun 1927 pada tahun 2003.

### Munasabah

Tidak ada benda yang dijual dengan harga 3 sen pada tahun 1927 dan dijual sekarang dengan harga 3 sen juga.

Kalau ada sesiapa yang mempunyai barang yang kita boleh beli dengan harga 3 sen pada tahun 1927 dan sekarang saya mahu tahu, sama ada di Malaysia atau Singapura.

Oleh itu adalah tidak munasabah untuk mencadangkan bahawa kita patut terus menjual air kepada mereka dengan 3 sen (bagi setiap 1,000 gelen) sehingga 2061.

Sebab itu kita perlu menaikkan harga dan ia ada di dalam perjanjian. Perjanjian mengatakan selepas 25 tahun kita boleh mengkaji semula harga air.

Selepas maknanya selepas. Jika dikatakan sebaik sahaja cukup 25 tahun kena kaji serta merta ia perkara yang berbeza, tetapi itu tidak terdapat dalam perjanjian, ia cakap selepas, malah walau selepas 100 tahun sekalipun ia tetap selepas.

Jadi kita mahu menjelaskan bahawa kita tidak mahu bergaduh dengan rakyat Singapura, kita tidak berhasrat untuk berperang dengan mereka seperti yang dicadangkan oleh perbincangan dalam laman web Pemuda PAP di internet.

Kita tidak akan menekan kedaulatan Singapura, mereka merupakan negara merdeka dan Malaysia ada pejabat Suruhanjaya Tinggi di sana.

Tidak mungkin kita akan menjah mereka atau melakukan apa-apa terhadap mereka.

Yang utama, jika berperang deng-

an mereka.

Kita mengalu-alukan rakyat Singapura untuk melabur di Malaysia. Mereka juga merupakan pelancong yang baik dan mereka telah menyumbang kepada ekonomi (Malaysia). Tentunya agak tertekan jika tinggal dalam sebuah pulau yang kecil dan sudah tentu mereka (rakyat Singapura) perlu pergi keluar ke mana-mana.

Kalau mereka mahu ke Banten atau Batam (di Indonesia) tidak ada masalah, kita juga tidak menghalang jika mahu ke Malaysia, anda (rakyat Singapura) dialu-alukan, tolong beritahu rakan-rakan Singapura bahawa kita tidak ada apa-apa masalah dengan mereka.

Jika mereka mahu memandu, jalan raya kita agak panjang juga, mereka ada (kereta) Ferrari, mereka akan dilayan sama seperti pemandu-pemandu yang lain tetapi jika melebihi had laju, itu merupakan undang-undang negara kita, walaupun jika memandu Ferrari.

Kita juga menggalakkan rakyat Singapura membeli harta di Malaysia yang mana harga hartanah cukup murah berbanding dengan Singapura.

### Pandangan

Mereka dialu-alukan untuk membeli hartanah yang bernilai lebih RM250,000 yang dalam dolar Singapura hanya S\$150,000. Mereka boleh membeli harta di Malaysia tidak ada masalah.

Oleh itu, kita tidak akan berdebat dengan Singapura atau cuba menakluk negara itu atau berperang mulut dengan mereka.

Tidak... tidak mungkin, itu pandangan MT, ini merupakan pandangan yang jujur dan ini kesimpulan yang dibuat oleh MT.

**SOALAN WARTAWAN:** Berdasarkan maklumat yang diperoleh, berapakah jumlah kerugian yang ditanggung oleh Singapura dalam pelaburannya yang gagal di luar negara?

**DR. MAHATHIR:** Di Singapura,

kadang kita naik marah juga, lepas itu kita fikir balik dan bincang dalam MT.

Dan MT berpendapat bahawa garangnya Singapura sekarang ini sampai macam hendak berperang bukan kerana masalah ini (air), masalah ini dah lama. Kita punya masalah air ini sudah lama, tapi tidak ada pula cakap pasal perang.

Cuma sekarang ini kita sudah tahu (puncanya), iaitu akibat ekonomi Singapura yang merosot. Dia juga kehilangan syarikat perkapalan seperti Maersk dan Evergreen (kepada Pelabuhan Tanjung Pelepas) dan ini menimbulkan kegelisahan di kalangan pemimpin Singapura.

### Penjelasan

Mereka tidak pernah kalah dan mempunyai sifat 'kiasu', iaitu takut kalah. Dia takut kalah, Jadi kalau dia kalah, tidak tahu macam mana hendak bertindak.

Jadi kita tidak payah menjadi sebahagian daripada permainan ini, buat tak layan ...sudah.

**SOALAN:** Apakah kenyataan-kenyataan berhubung Singapura akan dihentikan?

**DR. MAHATHIR:** Kalau perlu buat penjelasan, kita buat juga, tapi bukan secara agresif, bukan hendak menegangkan lagi hubungan, dia jiran kita yang paling dekat.

**SOALAN:** Ada kemungkinan Singapura akan bantah hasrat Malaysia untuk membekalkan air yang telah dirawat?

**DR. MAHATHIR:** Perjanjian ada, perjanjian membenarkan kita membekalkan air mentah sehingga 2061, selepas itu kita juga masih berminat, bukanlah kita dapat duit banyak sangat.

Kutipan cukai di Malaysia banyak juga, setahun RM80 bilion, yang ini (jual air kepada Singapura) tidak sampai RM40 juta, sekadar duit poket sahaja.

Ia (duit) pergi ke Johor, tapi Johor tidak boleh perang.